

6 subjek UMP tersenarai QS World University Rankings 2021

Oleh [Asrol Awang](#) - Mac 5, 2021 @ 3:51pm

bhnews@bh.com.my



Kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP). - Foto ihsan UMP

KUANTAN: Enam subjek Universiti Malaysia Pahang (UMP) tersenarai dalam penarafan QS World University Rankings by Subject 2021 yang diumumkan, semalam.

Subjek berkenaan ialah Kejuruteraan dan Teknologi, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik, Kejuruteraan Mekanikal, Aeronautik dan Pembuatan, Sains Tulen (Kimia) dan Sains Tulen (Sains Bahan).

Bidang Kejuruteraan dan Teknologi memperkukuhkan kedudukan apabila melonjak di tangga 358 terbaik dunia berbanding 386 tahun lalu menjadikan bidang itu di tangga ketujuh terbaik di Malaysia.

Penarafan kali ini turut menyaksikan subjek Kejuruteraan Kimia berada di kedudukan 250 terbaik dunia dan ketujuh di Malaysia.

Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik di tangga 400 terbaik dunia dan kesembilan di Malaysia, manakala subjek Kejuruteraan Mekanikal, Aeronautik dan Pembuatan di kedudukan 400 terbaik dunia dan ketujuh di Malaysia.

Dua subjek lain yang tersenarai adalah Sains Tulen (Kimia) di kedudukan 550 terbaik dunia dan keenam di Malaysia, manakala subjek Sains Tulen (Sains Bahan) di kedudukan 400 terbaik dunia dan keenam terbaik di Malaysia.

Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata bidang Kejuruteraan dan Teknologi adalah kekuatan UMP.

"Pencapaian ini menyerlahkan kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di UMP yang sentiasa fokus terhadap pelbagai aspek teknikal dan teknologi dalam melahirkan modal insan yang holistik serta mempunyai kemahiran teknikal beraras tinggi.

"Ia juga seiring dengan Pelan Strategik UMP 2021-2025 dalam menerajui Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) aras tinggi dan juga merealisasikan hasrat universiti ke arah universiti teknologi terunggul menjelang 2050," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof Dr Mohd Rosli Hainin, berkata penilaian tahun ini menunjukkan penambahbaikan dalam semua empat indikator termasuk reputasi akademik, reputasi majikan, sitasi setiap penerbitan dan H- Indeks.

"Dengan penanda aras ini membolehkan UMP sebagai antara universiti teknikal dalam Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) mengkaji pencapaian universiti dan penambahbaikan daripada pelbagai perspektif.

"Universiti akan terus komited menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan bagi teknologi aras tinggi yang dipacu bersama komuniti melalui ekosistem keusahawanan sosial," katanya.